# Kandungan

## Am

**Maklumat Am ........ 112**
Langkah beringat-ingat persediaan ........ 112
Notis hak cipta ........ 112
Aksesori yang dibekalkan ........ 112
Cakera pembersih ........ 112
Mengenai kitaran semula ........ 112

## Gambaran Keseluruhan Produk

**Pemain DVD Anda ........ 113**
**Kawalan jauh ........ 114-116**
Mengguna kawalan jauh ........ 116

## Sambungan

**Sambungan Asas ........ 117-119**
Langkah 1: Menyambung ke televisyen ........ 117-118
Opsyen 1: Menggunakan bicu Video Komposit (CVBS) ........ 117
Opsyen 2: Menggunakan bicu Video Komponen (Y Pb Pr) ........ 117
Opsyen 3: Menggunakan bicu TV HDMI atau DVI ........ 118
Langkah 2: Menyambung kord kuasa ........ 119
**Sambungan Pilihan ........ 120-121**
Menyambung ke Penerima Berbilang Saluran ........ 120
Menyambung kepada Sistem Stereo Analog ........ 120
Menyambung ke Amplifier/Penerima AV Digital ........ 121

## Persediaan Asas

**Bermula ........ 122-125**
Mencari saluran tontonan yang betul ........ 122
Menetapkan keutamaan bahasa ........ 122-123
Bahasa paparan (OSD) pada skrin ........ 122
Bahasa Menu Audio, Sari kata dan Cakera untuk main balik DVD ........ 123
Menyediakan ciri Imbas Progresif ........ 124
Menetapkan kawalan Pautan Mudah ........ 125
Kawalan satu sentuhan ........ 125

## Main balik Cakera

**Operasi Cakera ........ 126-137**
Cakera boleh main ........ 126
Kod kawasan bagi cakera DVD ........ 126
Memainkan cakera ........ 127
Kawalan main balik asas ........ 127
Lain-lain ciri main balik untuk cakera video ........ 128-129
Menggunakan Menu Cakera ........ 128
Menzum masuk/keluar ........ 129
Menukar bahasa trek bunyi ........ 129
Menukar bahasa sari kata ........ 129
Kawalan Main balik (VCD/SVCD) ........ 129

Menggunakan opsyen menu paparan ........ 130-132
Memilih tajuk/bab/trek ........ 130
Mencari mengikut masa ........ 130
Melihat masa bermain ........ 131
Menukar sudut kamera ........ 131
Fungsi pratonton (VCD/SVCD/DVD) ........ 131
Memilih pelbagai fungsi ulang ........ 132
Mengulangi segmen tertentu (A-B) ........ 132
Ciri CD Audio Khas ........ 133
Memainkan CD Audio Super (SACD) (untuk Asia Pasifik sahaja) ........ 133
Memainkan cakera DivX® ........ 134
Memainkan fail imej JPEG (pertunjukan slaid) ........ 135
Pratonton fungsi ........ 135
Zumkan gambar ........ 135
Terbalikkan/Putarkan gambar ........ 135
Memainkan cakera MP3/WMA/WMV ........ 136
Memainkan muzik dan fail foto secara serentak ........ 137
**Pengendalian Karaoke ........ 138**
Memainkan cakera Karaoke ........ 138
Menggunakan pilihan Menu Karaoke ........ 138

## Main balik USB

**Pengendalian USB ........ 139**

## Buat MP3

**Buat fail MP3 ........ 140**
Membuat CD audio ke format MP3 ........ 140

## Pilihan Persediaan

**Pilihan Menu Persediaan ........ 141-153**
Mengakses menu persediaan ........ 141
Halaman Persediaan Umum ........ 142-143
Halaman Persediaan Audio ........ 144-147
Halaman Persediaan Video ........ 148-151
Halaman Keutamaan ........ 152-153

## Lain-lain

**Naik taraf perisian ........ 154**
Memasang perisian terkini ........ 154
**Menyelesaikan masalah ........ 155-158**
**Spesifikasi ........ 159**
**Glosari ........ 160-161**

Bahasa Melayu

# Maklumat Am

**AMARAN!**
**Unit ini tidak mengandungi apa-apa bahagian boleh diservis pengguna. Harap biarkan semua kerja penyenggaraan dibuat oleh kakitangan yang berkelayakan.**

## Langkah beringat-ingat persediaan

**Mencari lokasi sesuai**
– Letakkan unit ini di atas permukaan rata, keras dan stabil. Jangan sekali-kali letakkan unit ini di atas permaidani.
– Jangan sekali-kali letakkan unit ini di atas kelengkapan lain yang boleh memanaskannya (cthnya, alat penerima atau amplifier).
– Jangan sekali-kali letakkan sesuatu di bawah unit ini (cthnya, CD, majalah).
– Pasang unit ini berhampiran salur keluar AC di mana plag kuasa AC boleh dicapai dengan mudah.

**Ruang untuk pengudaraan**
– Letakkan unit ini di lokasi yang mempunyai ruang pengudaraan yang mencukupi untuk mencegah kenaikan haba dalaman. Biarkan sekurang-kurangnya 10 sm (4") ruang kosong dari belakang dan atas unit ini dan 5 sm (2") dari kiri dan kanan untuk mencegah dari pemanasan lampau.

**Elakkan suhu tinggi, kelembapan, air dan habuk**
– Unit ini tidak boleh didedahkan pada titisan atau percikan air.
– Jangan sekali-kali meletakkan apa-apa objek atau item yang boleh merosakkan unit ini (contohnya, objek berisi cecair, lilin yang menyala).

## Notis hak cipta

Membuat salinan bagi bahan yang dilindungi hak cipta secara tidak sah, termasuk program komputer, fail, siaran dan rakaman bunyi, boleh menjadi pelanggaran hak cipta dan menjadi kesalahan jenayah. Unit ini tidak seharusnya digunakan untuk tujuan tersebut.

## Aksesori yang dibekalkan

– 1 kawalan jauh dengan bateri
– 1 kabel audio/video (kuning/putih/merah)
– 1 kabel kuasa (untuk Asia Pasifik sahaja)

## Cakera pembersih

**AMARAN!**
Risiko kerosakan pada cakera! Jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair, pembersih komersil atau semburan anti statik yang dimaksudkan untuk cakera.

- Lap cakera dengan kain pembersihan mikrofiber dari tengah ke tepi dengan pergerakan lurus.




## Mengenai kitaran semula

Manual pengguna ini dicetak di atas kertas yang tidak mencemarkan alam. Unit ini mengandungi bilangan besar bahan yang boleh dikitar semula. Jika anda melupuskan kelengkapan lama, sila bawakannya ke pusat kitar semula. Sila amalkan peraturan tempatan mengenai pelupusan bahan pembungkusan, bateri lama dan kelengkapan tua.






① ⏻ (Siap sedia Hidup)
– Menghidupkan unit ini atau mematikannya ke mod siap sedia biasa.

② **Dulang Cakera**

③ ▲ (Buka/Tutup)
– Buka/tutup dulang cakera.

④ **Panel paparan**
– Menunjukkan maklumat mengenai status semasa unit.

⑤ **Sensor IR**
– Halakan kawalan jauh ke arah sensor ini.

⑥ **▶II** (Main/Jeda)
– Memulakan/menjedakan main balik.

⑦ ■ (Berhenti)
– Hentikan main balik.

⑧ **bicu** (USB)
– Input untuk pemacu denyar USB atau kamera digital.
  * Tidak semua jenama dan model kamera digital disokong.

⑨ **MIC**
– Untuk sambungan mikrofon.

# Kawalan jauh






① ⏻ (Siap sedia Hidup)
– Menghidupkan unit ini atau mematikannya ke mod siap sedia biasa.

② ⏏ (Buka/Tutup)
– Buka/tutup dulang cakera.

③ **KARAOKE**
– Togol antara 'MIC', 'Kelantangan', 'Gema', 'Kekunci' atau 'Pemarkahan Karaoke'.

**VOCAL**
– Pilih saluran audio atau kaedah karaoke.

**ZOOM**
– Zum masuk atau keluar gambar pada TV.

**REPEAT A-B**
– Ulang bahagian tertentu pada cakera.

④ **DISPLAY**
– Memaparkan status semasa atau maklumat cakera.

⑤ ▲▼◀▶
– Memilih arah pergerakan dalam menu.
– Tekan atas/bawah untuk carian ke belakang atau ke hadapan yang perlahan.
– Telan kiri/kanan untuk carian ke belakang atau ke hadapan yang laju.

⑥ **SETUP**
– Masuk atau keluar menu persediaan cakera.

⑦ ▶II (Main/Jeda)
– Memulakan atau menjedakan main balik.

⑧ ■ (Berhenti)
– Hentikan main balik.

⑨ **AUDIO/CREATE MP3**
– Memilih bahasa atau saluran audio.
– Akses menu buat MP3.

⑩ **DISC MENU**
- Masuk atau keluar menu kandungan cakera.
- Untuk VCD 2.0 dan SVCD sahaja, menghidupkan atau mematikan mod kawalan main baik.

⑪ **OK**
- Mengesahkan sesuatu entri atau pilihan.

⑫ **RETURN/TITLE**
- Kembali ke menu sebelumnya atau menunjukkan menu tajuk.

⑥ **⏮ / ⏭** (Sebelumnya/Seterusnya)
- Melangkau ke tajuk/bab/trek sebelum atau selepasnya.
- Tekan dan tahan butang ini untuk carian ke belakang atau ke hadapan yang laju.

⑭ (USB)
- Beralih ke mod USB dan menunjukkan kandungan peranti USB.

⑮ **VOL** +/−
- Melaraskan kelantangan TV.

(Bisu)
- Membisukan atau mengembalikan kelantangan

**CH** +/−
- Memilih saluran TV seterusnya atau sebelumnya atau sumber input luaran (Saluran Video In, dll)
  * Butang-butang ini hanya holeh digunakan dengan TV Philips.

⑯ **Pad kekunci nombor 0-9**
- Memilih nombor trek atau bab cakera.

⑰ **SUBTITLE**
- Memilih bahasa sari kata DVD.



# Kawalan jauh (bersambung)

## Mengguna kawalan jauh



1. Buka petak bateri.
2. Masukkan dua bateri jenis R03 atau AAA, mengikut penunjuk (+ −) di dalam petak.
3. Tutup penutupnya.
4. Halakan kawalan jauh terus ke arah sensor jauh (IR) pada panel hadapan.




**Nota:**
Dilarang meletakkan sebarang objek antara kawalan jauh dan unit ini semasa beroperasi.

5. Pilih fungsi yang diingini (sebagai contoh ▶II).

**AMARAN!**
**– Keluarkan bateri jika telah kebabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.**
**– Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).**
**– Bateri mengandungi bahan kimia, mereka harus dilupuskan dengan betul.**









## Langkah 1: Menyambung ke televisyen

Sambungan ini membolehkan anda melihat main balik video dari unit ini. Anda hanya perlu memilih **satu** dari opsyen di bawah untuk membuat sambungan video.
– Bagi TV biasa, ikut opsyen 1.
– Bagi TV imbas progresif, ikut opsyen 2.
– Bagi TV HDMI, ikut opsyen 3.

### Opsyen 1: Menggunakan bicu Video Komposit (CVBS)

Anda boleh menyambung unit ini kepada TV melalui kabel video komposit yang memberi kualiti gambar yang baik.

- Sambung kabel audio/video (dibekalkan) dari bicu **TV OUT** dan **AUDIO OUT FRONT L/R** pada unit ini ke bicu input video (kuning) dan bicu input audio (merah/putih) pada TV anda.

### Opsyen 2: Menggunakan bicu Video Komponen (Y Pb Pr)

Kualiti video imbas progresif hanya tersedia apabila menggunakan sambungan Y Pb Pr dan TV imbas progresif diperlukan. Ia memberi kualiti gambar yang unggul semasa menonton filem DVD.

1. Sambungkan kabel video komponen (merah/biru/hijau - tidak dibekalkan) daripada bicu **Y Pb Pr** pada unit ini kepada bicu input video komponen yang sepadan (atau dilabel sebagai Y Pb/Cb Pr/Cr atau YUV) pada TV anda.

2. Sambung kabel audio/video (dibekalkan) dari bicu **AUDIO OUT FRONT L/R** pada unit ini ke bicu input audio (merah/putih) pada TV anda. Biarkan kabel video yang kuning tidak disambungkan.

3. Teruskan ke 'Bermula - Menyediakan ciri Imbas Progresif' untuk persediaan ciri progresif yang terperinci.






## Opsyen 3: Menggunakan bicu TV HDMI atau DVI

HDMI (Antara muka Multimedia Definisi Tinggi) adalah antara muka digital yang membenarkan penghantaran audio/video digital bersih tanpa kehilangan kualiti imej.

- Sambungkan kabel HDMI (tak disediakan) daripada bicu **HDMI OUT** pada unit ini ke bicu HDMI input pada peranti serasi-HDMI (contoh, TV HDMI, TV DVI yang mematuhi HDCP ).

**Nota:**
– Unit ini serasi dengan Pautan Mudah. Ia membolehkan peranti serasi Pautan Mudah yang bersambung untuk mengawal satu sama lain melalui HDMI, lihat 'Pilihan Menu Persediaan - { Persediaan Video > Persediaan HDMI > Pautan mudah }' untuk mendapatkan butiran.
– Bagi TV pematuhan HDCP atau DVI TV, anda memerlukan kabel penyesuai HDMI-DVI (tidak dibekalkan) untuk menyambungkan bicu input DVI dari TV anda ke bicu HDMI OUT pada unit ini.

*Petua Berguna:*
*– Kabel HDMI-DVI hanya mempunyai kemampuan output video sahaja. Sambungan audio diperlukan untuk output audio; lihat 'Sambungan Opsyenal' untuk mendapatkan butiran.*




## Langkah 2: Menyambung kord kuasa

**Selepas semuanya disambung dengan baik, plagkan masuk kord kuasa AC ke dalam salur keluar kuasa.**

Jangan buat atau ubah sebarang sambungan dengan kuasa masih terpasang.

*Petua Berguna:*
*– Rujuk kepada plat jenis di belakang atau di bawah produk untuk pengenalpastian dan pengadaran bekalan.*

Bahasa Melayu

# Sambungan Pilihan









## Menyambung ke Penerima Berbilang Saluran

Anda boleh menyambungkan unit ini kepada sistem audio saluran berbilang untuk menikmati bunyi saluran 5.1.

1. Sambungkan kabel audio (tidak dibekalkan) dari bicu **AUDIO OUT (FRONT L/R, REAR L/R, CENTER** dan **SUBWOOFER)** pada unit ini ke bicu input audio yang sepadan pada peranti penyambungan anda.

2. Untuk sambungan video, lihat 'Sambungan Asas - Langkah 1: Menyambung ke televisyen' untuk mendapatkan butiran.

*Petua Berguna:*
*– Anda perlu menetapkan tetapan Output Audio yang sesuai. Jika tidak, tiada bunyi atau gangguan boleh terjadi. Lihat 'Pilihan Menu Persediaan - Halaman Persediaan Audio > Output Analog' untuk mendapatkan butiran.*

## Menyambung kepada Sistem Stereo Analog

Anda boleh menyambung unit ini kepada sistem stereo dua saluran (contoh sistem mini, penerima analog) supaya dapat menikmati output bunyi stereo.

1. Sambung kabel audio/video (dibekalkan) dari bicu **AUDIO OUT FRONT L/R** pada unit ini ke bicu input audio (merah/putih) pada peranti sambungan anda. Biarkan kabel video yang kuning tidak disambungkan.

2. Untuk sambungan video, lihat 'Sambungan Asas - Langkah 1: Menyambung ke televisyen' untuk mendapatkan butiran.

*Petua Berguna:*
*– Lihat 'Pilihan Menu Persediaan - Halaman Persediaan Audio' untuk tetapan audio yang optimum.*




Bahasa Melayu

## Menyambung ke Amplifier/ Penerima AV Digital

Anda boleh menyambung unit ini ke amplifier/ penerima AV agar dapat menikmati bunyi yang berkualiti.

1. Sambungkan kabel sepaksi (tidak dibekalkan) daripada bicu **COAXIAL DIGITAL OUT** pada unit ini kepada bicu input sepaksi digital pada peranti yang bersambung.

2. Untuk sambungan video, lihat 'Sambungan Asas - Langkah 1: Menyambung ke televisyen' untuk mendapatkan butiran.

*Petua Berguna:*
*– Anda perlu menetapkan anggaran tetapan Output Audio Digital. Jika tidak, tiada bunyi atau gangguan boleh terjadi. Lihat 'Pilihan Menu Persediaan - Halaman Persediaan Audio > Persediaan Audio Digital' untuk mendapatkan butiran.*

## Mencari saluran tontonan yang betul

1. Tekan ⏻ untuk menghidupkan unit ini.

2. Hidupkan TV dan cari saluran video masuk yang betul. Anda hendaklah melihat skrin latar belakang DVD yang biru.
   ➔ Anda boleh pergi ke saluran paling rendah pada TV anda, kemudian tekan butang Saluran Ke Bawah pada kawalan jauh TV anda sehingga anda melihat saluran Video In.
   ➔ Anda boleh menekan butang ⊕ berulang kali pada kawalan jauh TV anda.
   ➔ Biasanya salauran ini terletak antara saluran terendah dan tertinggi dan mungkin dipanggil FRONT, A/V IN, VIDEO, dll.
   ➔ Rujuk ke manual pengguna TV anda mengenai cara memilih input yang betul pada TV anda.

3. Jika anda menggunakan peranti luar, (seperti sistem audio atau penerima), hidupkannya dan pilih sumber input yang sesuai untuk output unit ini. Rujuk kepada manual pengguna untuk mendapatkan butiran.

## Menetapkan keutamaan bahasa

Pilihan bahasa adalah berlainan bergantung pada negara atau daerah anda. Ia mungkin tidak sejajar dengan ilustrasi yang ditunjukkan dalam manual pengguna.

### Bahasa paparan (OSD) pada skrin

Anda boleh menukar bahasa menu paparan pada skrin bagi unit ini. Bahasa menu akan tetap sebaik sahaja anda telah menetapkannya.

1. Tekan **SETUP** pada kawalan jauh.
   ➔ { **Halaman Persediaan Umum** } muncul.

2. Gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih { **Bahasa OSD** } dalam menu dan tekan ▶.




3. Gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih bahasa dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

**Nota:**
– Untuk menyegerakkan dengan TV 'Pautan Mudah' Philips, bahasa OSD mesti ditetapkan pada { Auto (xxx) }. Ini adalah bahasa yang tersedia dari TV 'Pautan Mudah' Philips.
– Jika bahasa yang tidak disokong dipilih, bahasa OSD lalai unit ini akan digunakan.

## Bahasa Menu Audio, Sari kata dan Cakera untuk main balik DVD

Anda boleh memilih tetapan bahasa keutamaan anda bagi main balik DVD. Jika bahasa yang dipilih dirakam pada cakera DVD, unit ini akan secara automatik memainkan cakera dalam bahasa tersebut. Jika tidak, bahasa lalai cakera akan digunakan.

1. Tekan ■ dua kali untuk menghentikan main balik (jika berkenaan), kemudian tekan **SETUP**.

2. Tekan ▶ berulang-ulang untuk memilih { **Halaman Keutamaan** }.

3. Guna kekunci ▲▼ untuk memilih satu daripada opsyen di bawah ini dan tekan ▶.

| Halaman Keutamaan | |
|---|---|
| Audio | Inggeris |
| Sarikata | Cina |
| Menu Cakera | Perancis |
| Ibu Bapa | Sepanyol |
| PBC | Portugis |
| Mp3/Jpeg Nav | Poland |
| Kata Laluan | Itali |

{ **Audio** }
Pilih ini untuk menukar bahasa trek bunyi cakera.

{ **Sarikata** }
Pilih ini untuk menukar bahasa sari kata.

{ **Menu Cakera** }
Pilih ini untuk menukar bahasa menu cakera.

4. Guna kekunci ▲▼ untuk memilih bahasa dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

   **Jika bahasa yang anda kehendaki tiada dalam senarai, kemudian pilih { Lagi },** kemudian gunakan **pad kekunci angka 0-9** pada kawalan jauh untuk memasukkan kod bahasa 4-digit 'XXXX' ( lihat 'Language Code' (Kod Bahasa)) dan tekan **OK**.

5. Ulangi langkah 3 - 4 bagi tetapan bahasa yang lain.

Bahasa Melayu

Bahasa Melayu

## Menyediakan ciri Imbas Progresif

*(bagi TV Imbas Progresif sahaja)*
Paparan imbas progresif memaparkan dua kali bilangan bingkai satu saat berbanding pengimbasan berjalin (sistem TV biasa). Dengan hampir dua kali ganda bilangan garisan, imbas progresif menawarkan resolusi dan kualiti gambar yang lebih tinggi.

**Sebelum anda bermula...**
– Pastikan anda telah menyambungkan unit ini ke TV imbas progresif (lihat 'Opsyen 2: Menggunakan bicu Video Komponen (Y Pb Pr)' ).

1. Hidupkan TV ke saluran tontonan yang betul bagi unit ini.
   ➔ Pastikan mod imbas progresif TV dimatikan (atau ditetapkan ke mod berjalin). Rujuk pada manual pengguna TV anda.

2. Hidupkan unit ini dan tekan **SETUP** pada kawalan jauh.

3. Tekan ▶ berulang kali untuk memilih { **Halaman Sediaan Video** }.

4. Guna kekunci ▲▼ untuk memilih { **Progresif** } > { **Hidup** } dalam menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.




5. Baca mesej pemberitahuan pada TV dan sahkan tindakan anda dengan memilih { **OK** } dalam menu dan menekan **OK**.

   **Tidak terdapat gambar pada TV pada waktu ini sehingga anda menghidupkan mod imbas progresif pada TV anda.**

6. Hidupkan mod imbas progresif TV anda, rujuk manual pengguna TV anda.
   ➔ Satu mesej akan muncul pada TV anda.

7. Sahkan tindakan anda dengan memilih { **OK** } dalam menu dan menekan **OK**.
   ➔ Persediaan kini telah selesai dan anda boleh mula menikmati gambar berkualiti tinggi.

**Jika tiada gambar dipaparkan**

1. Tekan ⏏ untuk membuka dulang cakera.

2. Tekan **pada kekunci angka '1'** pada kawalan jauh.
   ➔ Skrin latar belakang unit ini muncul.

*Petua Berguna:*
*– Jika skrin kosong/herot benyot muncul, tunggu 15 saat bagi pemulihan automatik.*
*– Terdapat sesetengah TV imbas progresif yang tidak serasi sepenuhnya dengan unit ini, menghasilkan gambar yang tidak asli semasa memainkan balik cakera DVD VIDEO dalam mod imbas progresif. Dalam kes sedemikian, matikan ciri imbas progresif pada unit ini dan TV anda.*



dvp5996K_96_98_bm.indd 124 2008-03-10 2:40:41 PM

## Menetapkan kawalan Pautan Mudah

Ciri ini membolehkan peranti yang mematuhi HDMI CEC untuk mengawal satu sama lain dengan kawalan jauh yang tunggal. Ia tersedia hanya sekiranya anda telah menyambungkan unit ini ke TV atau peranti yang mematuhi HDMI CEC dengan kabel HDMI.

1. Hidupkan operasi HDMI CEC pada TV anda dan lain-lain peranti yang bersambung. (Rujuk kepada manual TV atau peranti bersambung anda untuk mendapatkan butiran)
2. Tekan **SETUP** pada kawalan jauh.
3. Tekan ▶ berulang kali untuk memilih { **Halaman Sediaan Video** }.
4. Gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih { **P'sediaan HDMI** } > { **EasyLink** } dan tekan ▶ untuk mengakses.




- Fungsi dihidupkan secara lalai di dalam kilang.
  – Untuk menyahdayakan ciri { **TV Kejutan Automatik** } , pilih { **Mati** }.
  – Untuk menyahdayakan ciri { **Tunggu Sedia Sistem** } , pilih { **Tolak** }.

5. Untuk keluar, tekan **SETUP**.

### Kawalan satu sentuhan

**Nota:**
– Untuk mendayakan fungsi main satu sentuhan, cakera video mesti diletakkan di dalam petak cakera sebelum operasi.
– Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti yang mematuhi HDMI CEC.

**Mainan satu sentuhan**

- Tekan ⏻.
  ➔ Ia menghidupkan unit ini dan memulakan mainan cakera.
  ➔ TV anda hidup secara automatik dan beralih ke saluran video yang betul.

**Suis input satu sentuhan**

Apabila unit ini dan TV dihidupkan;

- Pilih saluran TV untuk menonton rancangan TV atau mula main pada peranti lain yang bersambung.
  ➔ Unit ini beralih ke input audio yang sepadan secara automatik dan mengoutputkan bunyi dari sistem pembesar suaranya.

**Pematian satu sentuhan**

- Tekan butang STANDBY/POWER untuk mematikan unit ini dan semua peranti yang mematuhi HDMI CEC.
  ➔ Semasa menggunakan kawalan jauh unit ini, anda perlu menekan dan menahan ⏻.

# Operasi Cakera



## Cakera boleh main

**Unit ini memainkan:**

– Cakera Serba Guna Digital (DVD)
– Video CD (VCD)
– Super Video CD (SVCD)
– DVD Boleh Rakam yang dimuktamadkan (DVD±R), DVD Boleh Tulis (DVD±RW)
– Super Audio CD (SACD) (untuk Asia Pasifik sahaja)
– Cakera Kompak Audio (CD)
– Cakera MP3/ WMA
  – Lanjutan fail mesti '.mp3', '.wma'
  – format JPEG/ISO
  – Paparan 14 aksara maksimum.
  – Kadar bit disokong;
    32 – 320 kbps (MP3)
    32 – 192 kbps (WMA)
– Fail WMV pada CD-R(W)/ DVD+R(W)
  – Lanjutan fail mesti '.wmv'.
– Fail gambar (Kodak, JPEG) pada CD-R(W)/ DVD+R(W)
  – Lanjutan fail mesti '.JPG' dan bukan '.JPEG.'
  – format JPEG/ISO
  – Ia hanya boleh memaparkan gambar pegun standard DCF atau gambar JPEG seperti TIFF.
– Fail DivX® pada CD-R(W)/DVD+R(W):
  – Lanjutan fail mesti '.AVI', '.MPG' atau '.MP4'.
  – Disahkan DivX®, Disahkan DivX® Ultra
  – Pampasan pergerakan tepat Q-pel
  – Main balik Pampasan Pergerakan Global (GMC).

## Kod kawasan bagi cakera DVD

Cakera dan pemain DVD direka bentuk dengan mengambil kira sekatan tempatan. Sebelum memainkan cakera, pastikan cakera adalah bagi daerah yang sama dengan unit anda. Kod daerah bagi unit ini ditanda pada panel belakang.

| Daerah | Cakera yang boleh dimainkan |
|---|---|
| A.S. dan daerah Kanada | ALL 1 |
| Daerah U.K dan Eropah | ALL 2 |
| Asia Pasifik, Taiwan, Korea | ALL 3 |
| Australia, New Zealand, Latin America | ALL 4 |
| Daerah Russia dan India | ALL 5 |
| China, Kepulauan Calcos, Kepulauan Walls dan Futuna | ALL 6 |

*Petua Berguna:*
*– Maksimum 10 sesi bagi CD dan 10 berbilang jidar bagi DVD, disokong.*
*– Untuk DVD-R dan DVD-RW berbilang jidar, hanya cakera yang muktamad disokong.*

**Nota:**
**– Jika ikon merencat ⊘ muncul pada skrin TV apabila butang ditekan, ia bermakna fungsi tidak tersedia pada cakera semasa atau pada waktu kini.**
**– Jangan sekali-kali letakkan apa-apa objek selain cakera di atas petak cakera. Membuat demikian boleh menyebabkan kerosakan pada pemain cakera.**

## Memainkan cakera

1. Tekan ⏻ untuk menghidupkan unit ini.
2. Hidupkan TV ke saluran tontonan yang betul bagi unit ini.
3. Tekan ⏏ untuk membuka dulang cakera.
4. Muatkan cakera pada dulang cakera dan tekan ⏏.
   ➔ Pastikan label cakera menghadap anda.
5. Main balik bermula secara automatik.
   ➔ Jika tidak, tekan ▶II.
   ➔ Lihat halaman berikut bagi mendapatkan lebih banyak opsyen main balik dan ciri.

*Petua Berguna:*
*– Jangan tutup dulang cakera secara manual.*
*– Jika anda menghadapi masalah memainkan cakera tertentu, keluarkan cakera tersebut dan cuba yang lain. Cakera yang tidak diformat dengan betul tidak boleh dimain pada unit ini.*
*– Sesetengah cakera tidak boleh dimainkan pada pemain ini disebabkan oleh tatarajah dan sifat cakera, atau kerana keadaan rakaman dan perisian pengarangan yang telah digunakan.*

## Kawalan main balik asas

**Menjeda main balik**

- Semasa main balik, tekan ▶II.
  ➔ Untuk menyambung main balik, tekan ▶II.

**Memilih trek/bab/tajuk lain**

- Tekan ⏮ / ⏭ atau gunakan **pad kekunci angka 0-9** untuk memasukki nombor trek/bab/tajuk.
  ➔ Jika mod trek ulang adalah aktif, tekan ⏮ lagi sekali untuk memainkan semula trek/bab/tajuk yang sama.

**Mencari mundur/hadapan (tidak berkenaan untuk JPEG)**

- Tekan dan tahan ◀◀ / ▶▶.
  ➔ Sambil mencari, tekan ◀◀ / ▶▶ berulang kali untuk memilih kelajuan carian yang berlainan (2X, 4X, 8X, 16X, 32X).
  ➔ Untuk menyambung semula main balik biasa, tekan ▶II.

**Bermain dalam mod gerak perlahan (tidak berkenaan untuk CD/WMA/MP3/JPEG)**

- Semasa main balik, tekan ▲/▼ untuk memulakan permainan gerak perlahan.
  ➔ Bunyi akan dibisukan. Tekan ▲/▼ berulang kali untuk memilih kelajuan permainan yang berlainan (1/2, 1/4, 1/8, 1/16).
  **Catatan:** Main balik pergerakan ke belakang yang perlahan hanya boleh dilakukan untuk DVD.
  ➔ Untuk menyambung semula main balik biasa, tekan ▶II.

**Menghentikan main balik**

- Tekan ■.

Bahasa Melayu

*Petua Berguna:*
*– Untuk cakera video, main balik sentiasa bermula dari tempat ia terakhir dihentikan. Untuk memulakan main balik dari awal, tekan ⏮. semasa mesej 'Main balik dari awal, tekan - [SBLM]' dipaparkan.*
*– Gambar skrin bermula secara automatik jika main balik cakera dihentikan atau dijedakan selama kira-kira 5 minit.*

Bahasa Melayu

## Lain-lain ciri main balik untuk cakera video




**Nota:**
Ciri beroperasi yang dihuraikan di sini mungkin tidak mungkin bagi cakera tertentu. Sentiasa merujuk pada arahan yang dibekalkan bersama cakera.

### Menggunakan Menu Cakera

Bergantung pada cakera, menu mungkin muncul pada skrin TV sebaik sahaja anda memuatkan cakera.

**Untuk memilih ciri main balik**
- Guna ▲▼◀▶ atau **pad kekunci angka 0-9** pada kawalan jauh, kemudian tekan **OK** untuk memulakan main balik.

**Untuk mengakses atau mengeluarkan menu**
- Tekan **DISC MENU** pada kawalan jauh.

## Menzum masuk/keluar

Pilihan ini membolehkan anda zum masuk atau keluar gambar pada TV dan untuk pan melalui gambar.

1. Semasa main balik, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memilih faktor zum berlainan.
   ➔ Main balik berterusan.
2. Guna kekunci ▲▼◀▶ untuk pan melalui imej dizum.
3. Tekan **ZOOM** berulang kali untuk kembali ke saiz yang asal.

## Menukar bahasa trek bunyi

Operasi ini hanya berjalan bagi DVD dengan berbilang bahasa trek bunyi atau VCD/SVCD dengan berbilang saluran audio.

**Untuk DVD**

- Tekan **AUDIO/CREATE MP3** berulang kali untuk memilih bahasa audio yang tersedia.

**Untuk VCD/SVCD**

- Tekan **AUDIO/CREATE MP3** berulang kali untuk memilih saluran audio yang tersedia yang dibekalkan oleh cakera.

## Menukar bahasa sari kata

Operasi ini hanya berjalan dengan DVD yang mempunyai berbilang bahasa sari kata. Anda boleh menukar bahasa yang anda kehendaki semasa memainkan DVD.

- Tekan **SUBTITLE** berulang kali untuk memilih bahasa sari kata yang berlainan.

## Kawalan Main balik (VCD/SVCD)

Main balik Kawalan Main balik (PBC) membenarkan anda memainkan VCD/SVCD secara interaktif, mengikut menu pada paparan.

**Bagi VCD dengan ciri PBC (versi 2.0 sahaja) dan SVCD**

- Tekan **DISC MENU** untuk menghidupkan atau mematikan mod PBC.
  ➔ Jika mod PBC dihidupkan, menu PBC (jika tersedia) muncul pada TV.
  ➔ Jika mod PBC dimatikan, ia melangkau menu PBC dan main balik daripada trek yang pertama.
- Jika mod PBC dihidupkan, menekan **RETURN/TITLE** semasa main balik akan mengembalikan kepada menu PBC.

*Petua Berguna:*
*– Anda tidak boleh menggunakan pad kekunci nombor 0-9 untuk memilih trek jika mod PBC dihidupkan.*

# Operasi Cakera (bersambung)



## Menggunakan opsyen menu paparan

Unit ini boleh memaparkan maklumat main balik cakera (contoh, tajuk atau nombor bab, masa main telah lalu), beberapa operasi boleh dibuat tanpa mengganggu main balik cakera.




❶ Semasa main balik, tekan **DISPLAY** berulang kali pada kawalan jauh.
➔ Maklumat cakera yang tersedia muncul pada TV.

(DVD)

| Menu | ▶ | |
|---|---|---|
| Tajuk | 01/01 | |
| Bab B'lalu | 01/01 | |
| Audio | 5.1CH | Lain |
| Sarikata | Off | |
| Kdr bit 61 | TT Berlalu | 0:48:59 |

(VCD/SVCD)

| Menu | ▶ |
|---|---|
| TREK | 01/21 |
| Masa Cakr. | 1:12:32 |
| Masa Trek | 0:02:29 |
| Ulang ab | Off |
| Kdr bit 61 | Jumlah Berlalu 0:48:59 |

❷ Gunakan kekunci ▲▼ untuk melihat maklumat dan tekan **OK** untuk mengakses.

❸ Gunakan **pad kekunci nombor 0-9** untuk memasukkan nombor/masa atau gunakan kekunci ▲▼ untuk membuat pilihan.

❹ Tekan **OK** untuk mengesahkan.
➔ Main balik beralih ke operasi yang dipilih.

### Memilih tajuk/bab/trek

Pilihan ini membenarkan anda melangkau ke tajuk/bab/trek tertentu pada cakera semasa.

❶ Beralih ke pilihan { Tajuk } / { Bab B'lalu } atau { TREK } dalam menu paparan dan tekan ▶.

❷ Gunakan **pad kekunci nombor 0-9** untuk memasukkan nombor yang sah.
➔ Main balik melangkau kepada operasi yang dipilih.

### Mencari mengikut masa

Opsyen ini membenarkan anda melangkau ke tempat tertentu pada cakera semasa.

❶ Beralih ke { Masa TT / Masa CH / Masa Cakera / Masa Trek } dalam menu paparan dan tekan ▶.

❷ Gunakan **pad kekunci nombor 0-9** untuk memasukkan masa main balik harus bermula (contoh 0:34:27).
➔ Main balik melangkau kepada masa yang dipilih.

## Melihat masa bermain

Ia menunjukkan masa paparan yang tinggal/ telah berlalu bagi cakera semasa.

1. Beralih ke { Paparan Masa } pada paparan menu dan tekan ▶.
   ➔ Maklumat dan paparan berbeza bergantung pada jenis cakera.

**Untuk DVD**

| Paparan | Perihalan |
|---|---|
| Tajuk/Bab yang Berlalu | Masa bermain yang berlalu bagi Tajuk atau Bab. |
| Tajuk/Bab yang Tinggal | Baki masa bermain bagi Tajuk atau Bab. |

**Untuk VCD/SVCD**

| Paparan | Perihalan |
|---|---|
| Jumlah/Masa Berlalu Tunggal | Masa bermain yang telah berlalui bagi cakera atau trek. |
| Tinggal Jumlah/ Tunggal | Baki masa bermain bagi Cakera atau Trek. |

## Menukar sudut kamera

Pilihan ini hanya tersedia bagi DVD yang mengandungi urutan yang dirakam dari sudut kamera yang berlainan. Ini membolehkan anda melihat gambar dari sudut yang berlainan.

1. Beralih ke { Sudut } dalam menu paparan dan tekan ▶.
2. Gunakan **pad kekunci 0-9** untuk memasukkan nombor yang sah.
   ➔ Main balik bertukar kepada sudut yang dipilih.

## Fungsi pratonton (VCD/SVCD/DVD sahaja)

Fungsi ini membenarkan anda mempratonton kandungan cakera VCD/SVCD/DVD.

1. Beralih ke { Pratonton } dalam menu paparan dan tekan ▶.
   ➔ Menu pratonton muncul.

(DVD)




(VCD/SVCD)




2. Gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih satu daripada jenis pratonton dan tekan **OK**.
   ➔ Gambar imej kecil bagi setiap segmen muncul pada TV.




- Untuk pergi ke halaman sebelum atau seterusnya, tekan ⏮ / ⏭.

3. Gunakan kekunci ▲▼◀▶ untuk memilih gambar imej kecil dan tekan **OK** untuk memulakan main balik dari situ.

## Memilih pelbagai fungsi ulang

Fungsi ini membolehkan anda memilih opsyen main ulang yang berlainan.

**Untuk DVD/VCD/SVCD**

1. Beralih ke { Ualng } dalam menu paparan dan tekan ▶.

<u>DVD</u>
→ Bab (ulang bab semasa)
→ Tajuk (ulang tajuk semasa)
→ Semua (ulang keseluruhan cakera)
→ Mati (keluar mod ulang)

<u>VCD/SVCD</u>
→ Trek (ulang trek semasa)
→ Semua (ulang keseluruhan cakera)
→ Mati (keluar mod ulang)

**Untuk Audio CD**

1. Tekan **DISPLAY** berulang kali untuk memilih { Mati }, kemudian tekan ◀/▶ untuk memilih mod ulang yang berikut.

→ Trek (ulang trek semasa)
→ Semua (ulang keseluruhan cakera)
→ Mati (keluar mod ulang)

**Untuk SACD/MP3/WMA/WMV/JPEG/ DivX®**

1. Dalam mod berhenti, tekan **DISPLAY** berulang kali untuk memilih mod ulang yang berikut.

→ Tunggal (ulang fail semasa sekali)
→ Ulang Satu (ulang fail semasa)
→ Ulang Folder (ulang semua fail dalam folder semasa)
→ Folder (ulang semua fail dalam folder)

*Petua Berguna:*
*– Ulang main balik tidak boleh dibuat pada VCD atau SVCD apabila mod PBC dihidupkan.*

## Mengulangi segmen tertentu (A-B)

1. Beralih ke { Ulang ab } dalam menu paparan.
2. Tekan **OK** di titik mula.
3. Tekan **OK** sekali lagi untuk menamatkan bahagian.
   ➔ Bahagian tersebut akan ulang berterusan.
4. Tekan **OK** sekali lagi untuk menyambung semula main balik biasa.

*Petua Berguna:*
*– Bahagian yang ditandakan untuk main balik ulang hanya boleh dibuat dalam trek/bab yang sama.*
*– Semasa berada dalam mod main balik cakera, anda juga boleh menggunakan REPEAT A-B pada kawalan jauh untuk mengulangi bahagian tertentu.*

Bahasa Melayu

## Ciri CDAudio Khas

Ia adalah opsyen carian masa bagi main balik CD audio. Main balik melangkau kepada masa yang anda masukkan, dalam cakera atau trek.

1. Semasa main balik, tekan **DISPLAY** berulang kali untuk togol antara opsyen input yang berlainan.

| Paparan | Perihalan |
|---|---|
| Pergi Ke Cakera | Carian masa dalam cakera. |
| Pergi Ke Trek | Carian masa dalam trek. |
| Pilih Trek | Pilih nombor trek. |

2. Gunakan **pad kekunci 0-9** untuk memasukkan masa main balik harus bermula (minit:saat).
   ➔ Main balik melangkau kepada masa yang dipilih.

## Memainkan CD Audio Super (SACD) (untuk Asia Pasifik sahaja)

Terdapat tiga jenis cakera SACD; satu lapis, dua lapis dan cakera hibrid. Cakera hibrid mengandungi kedua-dua lapisan CD audio biasa dan CD Audio Super.

1. Muatkan SACD.
   ➔ Menu cakera muncul pada TV.

2. Main balik akan bermula secara automatik.
   ➔ Jika SACD terdiri daripada trek berbilang saluran dan trek stereo, gunakan kekunci ▲▼ untuk membuat pilihan daripada menu cakera dan tekan **OK** untuk membuka folder.

*Petua Berguna:*
*- Lihat 'Pilihan Menu Persediaan - Halaman Persediaan Audio - Persediaan SACD ' untuk tetapan audio yang sesuai.*

Bahasa Melayu

## Memainkan cakera DivX®

Unit ini menyokong main balik filem DivX yang anda boleh salin dari komputer anda ke cakera boleh rakam. Lihat 'Pilihan Menu Persediaan - { Halaman Persediaan Umum > Kod DivX(R) VOD }' untuk mendapatkan butiran.

1. Masukkan cakera DivX.
2. Gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih fail yang anda hendak mainkan.
3. Tekan **OK** untuk memulakan main balik.

Semasa main balik;

- Jika cakera DivX mempunyai sari kata berbilang bahasa, anda boleh menekan **SUBTITLE** pada kawalan jauh untuk menukar bahasa sari kata.
- Jika tajuk DivX mempunyai trek audio yang berlainan, anda boleh menekan **AUDIO/ CREATE MP3** pada kawalan jauh untuk menukar strim audio.

*Petua Berguna:*
*– Fail sari kata dengan lanjutan nama fail berikut (.srt, .smi, .sub, .ssa, .txt) disokong tetapi tidak muncul pada menu navigasi fail.*
*– Nama fail sari kata (.sub) perlu disimpan di bawah nama fail yang sama seperti filem (.avi) dalam folder yang sama.*

### Ciri lanjutan DivX Ultra

| Ciri-ciri | Perihalan |
|---|---|
| Sari kata XSUB™ | – membenarkan pemilihan sari kata berbilang bahasa untuk filem. |
| Menu video interaktif | – menyediakan akses dan kawalan yang mudah.<br>– navigasi cepat kepada pelbagai pemandangan/ ciri dan pilih opsyen audio/sari kata. |
| Trek audio berselang | – dayakan trek audio dalam versi berbilang bahasa.<br>– asingkan trek audio untuk tatarajah pembesar suara tertentu. |
| Titiik bab | – menyediakan kefleksibelan.<br>– benarkan melompat langsung kepada pemandangan yang anda hendak tonton dari mana-mana tempat dalam video. |

Bahasa Melayu

## Memainkan fail imej JPEG (pertunjukan slaid)

**Sebelum anda bermula...**
Hidupkan TV anda ke saluran Video In yang betul. Lihat 'Mencari saluran tontonan yang betul' bagi mendapatkan butiran.

- Muatkan CD foto JPEG (CD Gambar Kodak, JPEG).
  ➔ Menu gambar muncul pada TV.
  ➔ Bagi cakera Kodak, pertunjukan slaid bermula secara automatik.
  Tekan ▶II untuk memulakan main balik pertunjukan slaid.

Semasa main balik:

- Tekan ▶II untuk menjeda atau menyambung semula main balik.
- Tekan I◀◀ / ▶▶I untuk memainkan fail lain dalam folder.

*Petua Berguna:*
*– Ia mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk memaparkan kandungan cakera disebabkan bilangan besar lagu, gambar yang dikompilasikan ke dalam satu cakera.*

**Format fail yang disokong:**
– Lanjutan fail mestilah '*.JPG' dan bukannya '*.JPEG'.
– Unit ini hanya boleh memaparkan gambar kamera digital menurut format JPEG-EXIF, yang biasa digunakan oleh hampir semua kamera digital. ia tidak boleh memaparkan Motion JPEG, progresif JPEG dan lain-lain format JPEG, atau gambar dalam format selain JPEG, atau klip bunyi berkaitan gambar.

### Pratonton fungsi

1. Semasa main balik, tekan **DISPLAY**.
   ➔ 12 gambar imej kecil akan dipaparkan pada TV.



2. Tekan I◀◀ / ▶▶I untuk memaparkan gambar pada halaman sebelum/seterusnya.
3. Gunakan ▲▼◀▶ untuk memilih salah satu gambar dan tekan **OK** untuk memulakan main balik.
4. Tekan **DISC MENU** untuk kembali ke menu CD Gambar.

### Zumkan gambar

1. Semasa main balik, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memilih faktor zum berlainan.
2. Guna kekunci ▲▼◀▶ untuk pan melalui imej dizum.

### Terbalikkan/Putarkan gambar

- Semasa main balik, guna kekunci ▲▼◀▶ untuk memutarkan/terbalikkan gambar pada TV.

| Tindakan | Kawalan jauh |
|---|---|
| terbalikkan gambar secara menegak. | ▲ |
| terbalikkan gambar secara mendatar. | ▼ |
| putarkan gambar melawan arah jam. | ◀ |
| putarkan gambar mengikut arah jam. | ▶ |

Bahasa Melayu

# Operasi Cakera (bersambung)

Bahasa Melayu

## Memainkan cakera MP3/WMA/ WMV

Unit ini boleh memainkan balik kebanyakan fail MP3 dan WMA/WMV yang dirakam pada cakera boleh rakam atau CD komersial.

**Sebelum anda bermula...**
Hidupkan TV anda ke saluran Video In yang betul. Lihat ‘Mencari saluran tontonan yang betul’ bagi mendapatkan butiran.

1. Masukkan cakera MP3/WMA/WMV.
   ➔ Masa membaca cakera mungkin melebihi 30 saat kerana tatarajah direktori/fail yang kompleks.
   ➔ Menu cakera muncul pada TV.




2. Jika menu utama mengandungi berbagai folder, gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih folder yang dikehendaki dan tekan **OK** untuk membuka folder.
3. Gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih fail dan tekan **OK** untuk memulakan main balik.
   ➔ Main balik bermula dari fail yang dipilih dan berterusan sehingga ke akhir folder.

Semasa main balik:

- Tekan ⏮ / ⏭ untuk main balik fail lain dalam folder semasa.
- Tekan ◀◀ / ▶▶ berulang kali untuk mengundur/memaju carian pada fail dengan laju.
- Untuk memilih folder lain dari cakera ini, gunakan kekunci ▲▼ untuk menavigasi balik ke menu punca.

4. Untuk berhenti main balik, tekan ■.

*Petua Berguna:*
*– Unit ini hanya boleh menyokong Profil Utama WMV 9 (Tahap Rendah) dengan lanjutan fail ‘wmv’. La tidak menyokong main balik Profil Lanjutan dan fail video yang dilindungi DRM.*
*– Anda boleh menetapkan pada paparkan atau langkau folder apabila anda memuat cakera MP3/ JPEG . Tekan SETUP, kemudian pergi ke { Halaman Keutamaan > Mp3/Jpeg Nav }.*
*– Hanya sesi pertama dari CD berbilang sesi akan dimainkan balik.*
*– Adalah biasa mengalami ‘langkau’ sekali sekala semasa mendengar cakera MP3/WMA disebabkan ketidak jelasan kandungan digital cakera semasa memuat turun internet.*
*– Jika mana-mana aksara khas terdapat di dalam nama trek MP3/WMA (ID3) atau nama album, ia mungkin tidak dipaparkan dengan betul pada skrin kerana unit ini tidak menyokong aksara tersebut.*
*– Maklumat ID3/Meta tidak akan dipaparkan apabila fail main balik tidak dipilih.*

## Memainkan muzik dan fail foto secara serentak

Anda boleh mencipta main balik pertunjukan slaid muzikal jika cakera mengandungi kedua-dua fail muzik MP3/WMA dan fail gambar JPEG.

1. Muatkan cakera yang mengandungi kedua-dua fail MP3/WMA dan JPEG.
2. Gunakan ▲▼ untuk memilih fail MP3/WMA dari menu cakera dan tekan **OK** untuk memulakan main balik .
3. Semasa main balik MP3/WMA, gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih fail JPEG dari menu cakera dan tekan **OK**.
   ➜ Pertunjukan slaid bermula dan berterusan sehingga akhir folder atau album foto.
4. Untuk menghentikan main balik serentak, tekan ■ dua kali.

*Petua Berguna:*
*– Sesetengah fail pada Kodak atau cakera JPEG mungkin herot benyot semasa main balik kerana penatarajahan dan sifat cakera.*
*– Semasa main balik serentak, memaju/mengundur cepat atau memaju/mengundur perlahan tidak tersedia.*

Bahasa Melayu

# Pengendalian Karaoke



## Memainkan cakera Karaoke

**Sebelum anda bermula...**
Hidupkan TV anda ke saluran Video In yang betul. Tekan AV, VIDEO, SELECT atau butang ⊕ pada kawalan jauh TV anda sehingga anda melihat latar belakang biru DVD.



1. Sambungkan mikrofon (tidak dibekalkan) dengan bicu **MIC** pada panel hadapan unit ini.
2. Muatkan cakera karaoke.

- Jika menu cakera muncul, gunakan kekunci ▲▼◀▶ untuk membuat pilihan anda dan tekan **OK** untuk memulakan main balik.

3. Tekan **KARAOKE** pada kawalan jauh berulang kali untuk memilih { MIC HIDUP/ MATI }.
   ➔ Gunakan kekunci ◀▶ untuk { HIDUP } atau { MATI } kan mikrofon.
4. Tekan **KARAOKE** pada kawalan jauh untuk memilih { Kelantangan }.
   ➔ Gunakan kekunci ◀▶ untuk melaraskan kelantangan mikrofon.
5. Tekan **VOCAL** berulang kali untuk togol antara pelbagai mod audio.
   ➔ Anda boleh mematikan vocal atau menukar mod audio bagi cakera karaoke.
   ➔ Mula menikmati karaoke.

*Petua Berguna:*
*– Sebelum menyambungkan mikrofon, tetapkan kelantangan mikrofon pada paras minimum untuk mengelakkan lolongan.*

## Menggunakan pilihan Menu Karaoke

1. Tekan **KARAOKE** pada kawalan jauh berulang kali untuk mengakses menu karaoke.

{ **MIC** }
– Gunakan kekunci ◀▶ untuk { HIDUP } atau { MATI } kan mikrofon.

{ **Kelantangan** }
– Gunakan kekunci ◀▶ untuk melaraskan kelantangan mikrofon antara 0 ~ 20.

{ **Gema** }
– Gunakan kekunci ◀▶ untuk melaraskan tahap gema antara 0 ~ 20.

{ **Kekunci** }
– Gunakan kekunci ◀▶ untuk melaraskan tahap nada antara -16 ~ +16 yang sepadan dengan suara anda.

{ **Pemarkahan Karaoke** }
– Gunakan kekunci ◀▶ untuk memilih kadar pemarkahan: { Mati } , { Asas } , { Pertengahan } atau { Lanjut }.
**Cacatan:** Jika anda mendapat 30 markah ke atas di akhir lagu, markah karaoke akan muncul pada TV. Tekan **OK** untuk keluar dari pemarkahan dan menyambung sesi karaoke.

*Petua Berguna:*
*– Fungsi markah karaoke hanya tersedia untuk cakera DVD dan VCD.*

Anda boleh memainkan atau melihat fail data (JPEG, MP3, WMA, WMV atau DivX®) dalam pemacu denyar USB. Walaubagaimana pun, mengedit atau menyalin fail data ini tidak boleh dibuat.



1 Sambungkan pemacu denyar USB secara langsung kepada bicu [USB] pada unit ini.

2 Mesej muncul pada TV apabila peranti dikesan.

3 Tekan [USB] pada kawalan jauh untuk mengakses data dalam pemacu.

4 Gunakan kekunci ◀ ▶ untuk memilih fail yang dikehendaki dan tekan **OK** untuk memulakan main balik.

- Untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai main balik, lihat 'Memainkan cakera DivX®, 'Memainkan fail imej JPEG (pertunjukan slaid)' atau 'Memainkan cakera MP3/WMA/WMV' untuk mendapatkan lebih butiran.

5 Tekan ■ untuk menghentikan main balik.

6 Tekan [USB] pada kawalan jauh untuk keluar dari menu dan beralih ke mod cakera.
➔ Anda boleh mengeluarkan peranti USB sekarang.

*Petua Berguna:*
*– Bicu USB tidak menyokong sambungan peranti USB yang lain kecuali ke pemacu flash USB.*
*– Unit ini hanya boleh menyokong sehingga maksimum 300 folder dan 648 faill.*
*– Apabila peranti USB tidak muat ke dalam bicu USB, kabel panjangan USB (tidak dibekalkan) diperlukan.*
*– Fail dilindungi hak cipta tidak boleh dimainkan.*

# Buat fail MP3

## Membuat CD audio ke format MP3

Ciri ini membolehkan anda menukar trek audio dari CD audio kepada format MP3. Fail MP3 yang dibuat disimpan dalam peranti USB anda.

1. Sambungkan pemacu denyar USB secara langsung kepada bicu ⭠ pada unit ini.
2. Muatkan CD audio.
3. Semasa main balik, tekan **AUDIO/CREATE MP3** pada kawalan jauh.
4. Baca mesej pada TV dan sahkan tindakan anda dengan memilih { **YA** } di dalam menu, kemudian tekan **OK**.
   ➔ Menu Buat MP3 muncul.
   ➔ Jika peranti USB penuh, mesej amaran akan dipaparkan.




5. Tentukan keperluan anda untuk membuat fail MP3 dalam menu { **OPTIONS** } kemudian tekan **OK**.

{ **Kepntsn** }
Pilih kelajuan pembuatan.

| | |
|---|---|
| { Biasa } | Kelajuan biasa. Catatan: Anda boleh mendengar main balik semasa membuat trek audio. |
| { Pantas } | Kelajuan pantas. |

{ **Kdr bit** }
Pilih kadar bit membuat. Tetapan lalai ialah 128 kbps.

{ **CRT ID3** }
Membuat maklumat ID3.

| | |
|---|---|
| { Ya } | Maklumat ID3 termasuk dalam fail MP3. |
| { Tidak } | Tiada maklumat ID3. |

{ **Peranti** }
Fail MP3 yang dibuat akan disimpan dalam peranti USB ini.

6. Beralih ke menu { **TREK** } dan gunakan kekunci ▲▼ untuk memilih trek yang anda hendak buat, kemudian tekan **OK**.

- Untuk memilih semua trek, beralih ke { **Plh semua** } di dalam menu dan tekan **OK**.
- Untuk menyahpilih semua trek, beralih ke { **Jgn Plh smua** } di dalam menu dan tekan **OK**.

7. Untuk mula membuat trek, beralih ke { **Mula** } di dalam menu dan tekan **OK**.
   ➔ Menu proses membuat muncul.
   ➔ Jika peranti USB penuh, mesej amaran akan dipaparkan.
   ➔ Folder baru dibuat secara automatik dalam peranti USB untuk menyimpan semula fail MP3 yang baru.
   **Catatan:** Jika anda menekan salah satu butang pada panel hadapan atau pada kawalan jauh ( ⏻, ⏏, ■, **AUDIO/CREATE MP3** atau **OK**) semasa proses membuat, mesej 'Adakah anda hendak berhenti Membuat MP3 sekarang?' muncul pada skrin TV. Pilih { **Batalkan** } untuk terus membuat proses.
8. Untuk keluar dari menu, beralih ke { **Keluar** } dalam menu dan tekan **OK**.

*Petua Berguna:*
*– DTS CD dan CD yang dilindungi hak cipta tidak boleh dibuat pada format MP3.*
*– Peranti USB yang dilindung tulis atau yang dilindungi kata laluan tidak boleh digunakan untuk menyimpan fail MP3.*

## Mengakses menu persediaan

Anda boleh menukar tetapan dalam unit ini untuk disesuaikan dengan keperluan anda yang tertentu.




1. Tekan **SETUP** pada kawalan jauh.
   ➔ Menu persediaan muncul.

2. Guna kekunci ◀ ▶ untuk memilih satu daripada menu persediaan.

- Jika anda tidak boleh mengakses { Halaman Keutamaan }, tekan **SETUP** untuk keluar dari menu. Kemudian tekan ■ dua kali sebelum anda menekan **SETUP** sekali lagi.

3. Guna kekunci ▲▼ untuk memilih pilihan persediaan dan tekan ▶ untuk mengakses.

4. Pilih tetapan yang anda kehendaki dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
   ➔ Arahan dan penjelasan bagi opsyen disediakan pada halaman berikut.
   ➔ Jika opsyen dalam menu dikelabukan, ia bermakna tetapan itu tidak tersedia atau tidak boleh ditukar dalam keadaan semasa.

5. Untuk keluar, tekan **SETUP**.

**Halaman Persediaan Umum**

Kunci Cakera
Bahasa OSD
Tidur
